

Malaysia, China Boleh Beri Sumbangan Besar Kepada Agenda Asia, Kata Najib Bernama
4 Oct, 2013

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Malaysia dan China boleh memberikan sumbangan besar ke arah memacukan agenda Asia dengan meneruskan tradisi kerjasama mereka dalam mengejar cita-cita bersama, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat.

Beliau berkata memandangkan Asia memainkan peranan penting dalam hal-ehwal dunia, keputusan yang dibuat di peringkat negara, dua hala dan serantau akan mempunyai impak mendalam kepada ekonomi global.

"Kita boleh tunjuk menerusi tindakan kita yang pengaruh Asia akan melahirkan keamanan dan kemakmuran - di negara kita, rantau kita dan dunia kita.

"Sama ada mengenai hubungan perdagangan dua hala ataupun usaha antarabangsa untuk membina ekonomi global lebih mapan, kita lebih kuat apabila kita bekerjasama," kata perdana menteri dalam ucap-tama di Persidangan Ekonomi Malaysia-China.

Turut hadir ialah Presiden China Xi Jinping. Xi tiba di Malaysia semalam bagi lawatan negara selama tiga hari.

Najib berkata program lima tahun untuk kerjasama ekonomi dan perdagangan yang ditandatangani oleh kedua-dua menteri perdagangan turut menandakan permulaan peringkat baharu hubungan di antara kedua-dua negara.

"Dan ia menetapkan matlamat jelas kepentingan bersama kita: merapatkan hubungan dua hala dan ekonomi; menghasilkan kerjasama kukuh antara kedua-dua negara," kata Najib, yang juga Menteri Kewangan.

Program itu akan menyaksikan dagangan dua hala kedua-dua negara mencecah AS\$160 bilion menjelang akhir tahun kelima.

Najib berkata bidang kerjasama yang diliputi termasuk pertanian, tenaga dan sumber mineral; pembuatan dan kejuruteraan.

Perdana Menteri turut berkata presiden China itu telah berkongsi sentimen sama dengan beliau dan menzahirkan pertemuan mereka menggunakan ungkapan Mandarin, bermakna "sekali jumpa dah rasa macam kawan lama".

Najib berkata hubungan di antara kedua-dua negara telah terjalin lama tetapi telah bertambah kukuh pada masa ini.

"Dengan terus bekerjasama dalam usaha mencapai matlamat bersama, kita boleh memacu pembangunan dan kemajuan; bukan hanya di negara kita, tetapi rantau kita dan dunia. Impian China dan janji Asia boleh dipenuhi bersama," kata beliau.

Bagi memudahkan perdagangan, Najib berkata terdapatnya keperluan untuk terus mempromosikan perjanjian pengaturan tukaran mata wang dua hala antara Malaysia dan China di kalangan komuniti perniagaan.

Perdana menteri berkata Malaysia ialah negara pertama di luar China menggunakan renminbi dengan bank pusat menjadi bank pertama di Asean memegang rizab renminbi.

"2.3 peratus perdagangan dunia menggunakan renminbi di Malaysia, tetapi hanya segelintir usahawan menyedari ia boleh dilakukan. Kita perlu berusaha lagi untuk mendalami dan mempromosikan kerjasama monetari seumpama ini. Ia boleh memberi manfaat untuk kedua-dua buah negara kita," kata beliau.

Selain daripada itu, perdana menteri turut berterima kasih kepada kerajaan China atas sokongan dan peluang yang diberikan kepada syarikat Malaysia dan mengharapkan lebih banyak pelaburan di masa hadapan di bawah kepimpinan China yang baharu.

"Dalam kita menantikan pembentukan Komuniti Ekonomi Asean dan kesemua peluang yang boleh direalisasikan, kita gembira, China di bawah kepimpinan baharu Presiden Xi dan kumpulannya akan terus aktif menjalinkan kerjasama ekonomi strategik di Asia Tenggara; membina keamanan, kemakmuran dan kestabilan di rantau ini," kata Najib.

Beliau berkata bersama-sama, China dan Asean membina kawasan perdagangan bebas terbesar, dengan Perjanjian Perdagangan Bebas China-Asean, berpopulasi 1.9 bilion di pasaran bernilai US\$6 trilion.

Perdagangan Asean-China ialah US\$8 bilion semasa hubungan terjalin pada 1991 tetapi ia berkembang pesat kepada US\$318.6 bilion setakat tahun lepas.

Seramai 1,000 delegasi dari China mewakili 100 syarikat menghadiri persidangan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=983210>